

04 MAR 2003

Mahathir-Berlepas/I (Bergambar)

PERDANA MENTERI BERLEPAS KE DOHA HADIRI MESYUARAT TERGEMPAR OIC

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas hari ini untuk menghadiri mesyuarat tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha, Qatar.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menaiki pesawat di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia Subang dekat sini pada pukul 2.30 petang.

Antara mereka yang berada di pangkalan TUDM untuk mengucapkan selamat jalan ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting.

Mesyuarat tergempar dua hari OIC itu, yang bermula hari ini, dianjurkan oleh pengerusi OIC, Qatar, untuk membincangkan ancaman peperangan terhadap Iraq dan krisis di Asia Barat, enam hari selepas satu mesyuarat tidak rasmi anggota OIC di Kuala Lumpur.

Mesyuarat di Kuala Lumpur diadakan Malaysia sebagai mengambil kesempatan daripada kehadiran ramai pemimpin OIC di Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang berakhir pada Selasa. Ia dihadiri 51 daripada 57 anggota OIC.

Antara lain mesyuarat Kuala Lumpur bersetuju untuk "memikirkan mengenai idea" menggunakan minyak sebagai senjata bagi menghindarkan kemungkinan perang yang diketuai Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Mesyuarat itu, yang juga mendapat sokongan daripada Qatar, turut menggesa Iraq mematuhi resolusi 1441 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pelucutan senjata.

Selepas mesyuarat di Doha, Dr Mahathir akan bercuti selama dua bulan mulai Khamis sehingga 4 Mei. Abdullah akan menjadi pemangku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sepanjang tempoh itu.

Semasa percutiannya, Dr Mahathir akan melakukan lawatan kerja ke Brazil dan Jeddah.

-- BERNAMA

AZH KHY RON